



**GARIS PANDUAN PERMOHONAN
PENGEQUALIAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN**

**BAHAGIAN PENGURUSAN
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

KANDUNGAN

1.	Tujuan	3
2.	Pemakaian Garis Panduan	3
3.	Punca Kuasa	4
4.	Permohonan Pengecualian	4
5.	Keputusan Pengecualian	5
6.	Pemakluman Keputusan Kelulusan Pengecualian Kepada Lembaga Peperiksaan KPWKM	5
7.	Tarikh Kuat Kuasa	6
8.	Lampiran 1	7
9.	Lampiran 2	8
10.	Lampiran 3	9
11.	Lampiran 4	10
12.	Lampiran 5	11

1. TUJUAN

- 1.1 Garis Panduan ini dibangunkan bertujuan memberi penerangan kepada calon Peperiksaan Perkhidmatan Jabatan mengenai proses permohonan pengecualian menduduki Peperiksaan Perkhidmatan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

2. PEMAKAIAN GARIS PANDUAN

- 2.1 **Garis panduan ini adalah terpakai** kepada calon yang layak dipertimbangkan bagi permohonan pengecualian peperiksaan perkhidmatan iaitu:

Calon peperiksaan yang menerima kenaikan pangkat melalui kaedah Penilaian Secara Lantikan daripada Gred S29/S32/S38 ke Gred S41 yang dilantik sebelum 1 Januari 2024 dan telah lulus Peperiksaan Perkhidmatan Gred S29 di JKM.

- 2.2 **Garis panduan ini adalah tidak terpakai** kepada:

- 2.2.1 mana-mana calon lantikan terus Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41 dan tidak pernah berkhidmat di JKM pada mana-mana gred lain sebelum ini.

- 2.2.2 mana-mana calon lantikan yang menerima kenaikan pangkat melalui kaedah Peningkatan Secara Lantikan (PSL) dan menduduki peperiksaan perkhidmatan Gred S29 mulai 1 Januari 2024. Ini kerana kandungan sukatan peperiksaan Gred S29 mulai 1 Januari 2024 dengan tahun sebelumnya adalah berbeza.

- 2.2.3 mana-mana calon yang menerima kenaikan pangkat melalui kaedah Peningkatan Secara Lantikan (PSL) daripada Gred S19/S22/S26 ke Gred S29. Ini adalah

kerana kandungan sukatan peperiksaan Gred S19 dan Gred S29 adalah berbeza.

3. PUNCA KUASA

- 3.1 Punca kuasa pelaksanaan pertimbangan pengecualian menduduki Peperiksaan Perkhidmatan adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Pengurusan Peperiksaan Perkhidmatan Awam Versi 1.0 (2022) merujuk kepada Ceraian UP.8.1.1 Peraturan-Peraturan Mengenai Peperiksaan Perkhidmatan Awam.
- 3.2 Berdasarkan kepada Pekeliling tersebut, Ketua Setiausaha mempunyai bidang kuasa untuk menimbangkan pengecualian bagi peperiksaan oleh Kementerian.
- 3.3 Mesyuarat Lembaga Peperiksaan KPWKM Bilangan 1 Tahun 2023 pada 22 Mac 2023 telah memutuskan bahawa pengecualian menduduki peperiksaan dilaksanakan di peringkat JKM melalui Panel Peperiksaan.

4. PERMOHONAN PENGECCUALIAN

- 4.1 Mana-mana calon yang berhasrat untuk memohon pengecualian menduduki Peperiksaan Perkhidmatan perlu mengemukakan permohonan pengecualian peperiksaan kepada urus setia peperiksaan melalui Ketua Jabatan di mana calon sedang berkhidmat pada tarikh memohon.
- 4.2 Calon perlu mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut (rujuk Lampiran 1):
 - i. Surat permohonan pengecualian peperiksaan dari calon dan disalinkan kepada Ketua Jabatan;
 - ii. Salinan slip keputusan peperiksaan perkhidmatan/peperiksaan PSL terdahulu; dan

- iii. Salinan buku perkhidmatan yang menunjukkan muka hadapan, jawatan dan gred terdahulu serta jawatan dan gred terkini.
- 4.3 Sebarang permohonan yang tidak lengkap dan tidak mematuhi syarat-syarat seperti Lampiran 1 tidak akan dipertimbangkan.
- 4.4 Proses kerja permohonan sehingga kelulusan adalah seperti di Lampiran 2 dan carta alir seperti di Lampiran 3.

5. KEPUTUSAN PENGECUALIAN

- 5.1 Keputusan akan dikeluarkan dalam tempoh **satu bulan** daripada tarikh permohonan lengkap diterima.
- 5.2 Keputusan permohonan pengecualian menduduki peperiksaan adalah **MUKTAMAD**.
- 5.3 Sebarang permohonan rayuan selepas keputusan permohonan pengecualian menduduki peperiksaan dikeluarkan tidak akan dipertimbangkan.
- 5.4 Panel Peperiksaan JKM mempunyai kuasa untuk meluluskan atau tidak meluluskan sebarang permohonan pengecualian menduduki peperiksaan.

6. PEMAKLUMAN KEPUTUSAN KELULUSAN PENGECUALIAN KEPADA LEMBAGA PEPERIKSAAN KPWKM

- 6.1 Senarai pegawai yang telah diluluskan pengecualian daripada menduduki peperiksaan berdasarkan syarat persetaraan yang telah diluluskan oleh Lembaga Peperiksaan KPWKM oleh Urus Setia Panel Peperiksaan JKM untuk perakuan pengesahan.

7. TARIKH KUAT KUASA

Garis panduan ini berkuat kuasa mulai **30 Ogos 2023**.

Disediakan oleh:

**Urus Setia Peperiksaan JKM
Jabatan Kebajikan Masyarakat
Putrajaya**

SENARAI SEMAK PENGECUALIAN PEPERIKSAAAN PERKHIDMATAN

NAMA CALON :

NO. KP :

ALAMAT TEMPAT BERTUGAS :

.....

NO. TEL. :

Bil.	Perkara	Tandakan (/)
1.	Surat Permohonan Pengecualian Peperiksaan dari calon yang disalinkan kepada Ketua Jabatan	
2.	Salinan Keputusan Peperiksaan Perkhidmatan/PSL	
3.	Salinan Buku Perkhidmatan yang tercatat perkhidmatan yang menunjukkan muka hadapan, jawatan dan gred terdahulu serta jawatan dan gred terkini.	

UNTUK KEGUNAAN URUS SETIA PEPERIKSAAAN

Dokumen lengkap

Dokumen tidak lengkap

Disemak Oleh:


Tarikh :

LAMPIRAN 2

**PROSES KERJA BAGI PERMOHONAN PENGECUALIAN MENDUDUKI
PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN**

Bil.	Proses Kerja	Pegawai yang dirujuk	Undang-Undang/ Pekeliling berkaitan
1.	Calon Kemuka Permohonan Pengecualian Peperiksaan bersama Dokumen berkaitan	PT	Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Pengurusan Peperiksaan Perkhidmatan Awam Versi 1.0 (2022)
2.	<p>Semakan Dokumen:</p> <p>2.1 Lengkap – Jika dokumen lengkap, sediakan kertas pemakluman untuk di bawa ke Mesyuarat Panel/Edaran Minit Bebas</p> <p>2.2 Tidak Lengkap – semak semula dengan calon dan mohon lengkapkan sebelum proses dapat diteruskan.</p> <p>2.3 Tidak Kemuka Dokumen kerana hilang/rosak/tiada dalam catatan Buku Perkhidmatan – bawa ke Mesyuarat Panel, sama ada permohonan boleh dipertimbangkan atau tidak.</p>	PT/PP	
3.	Pertimbangan oleh Panel Peperiksaan	PP/KPP	
4.	Keputusan Panel Peperiksaan	PT	
5.	Makluman Keputusan Kepada Calon	PT	
6.	Rekod	PT	

**CARTA ALIR
PERMOHONAN PENGECUALIAN MENDUDUKI
PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN**



CONTOH SURAT PEMAKLUMAN SETUJU PENGECUALIAN PEPERIKSAAN

Rujukan Kami :
Tarikh :

NAMA
ALAMAT TEMPAT BERTUGAS CALON

Tuan/Puan,

**PERMOHONAN PENGECUALIAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat puan dengan rujukan bertarikh adalah berkaitan.

2. Untuk makluman tuan/puan, Panel Peperiksaan Jabatan telah meneliti permohonan pengecualian menduduki Peperiksaan Perkhidmatan bagi Gred S29 tuan/puan bagi kertas-kertas berikut:

- i. Bahagian III – Pentadbiran Sosial;
- ii. Bahagian IV (Seksyen I) – Undang-Undang Am; dan
- iii. Bahagian IV (Seksyen II) – Undang-Undang dan Peraturan Jabatan

3. Sehubungan itu, Panel Peperiksaan Jabatan **BERSETUJU** dengan permohonan pengecualian peperiksaan tuan/puan dengan mengambil kira rekod keputusan peperiksaan terdahulu tuan/puan iaitu:

- i. Lulus Peperiksaan Perkhidmatan bagi Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Bahagian III rujukan:.....bertarikh.....;
- ii. lulus Peperiksaan Perkhidmatan bagi Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Bahagian IV (Seksyen I) rujukan: bertarikh; dan
- iii. lulus Bahagian III dan Bahagian IV (Seksyen II) rujukan: JKMM (S) bertarikh

4. Salinan surat ini hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bagi tujuan pengemaskinian Buku Rekod Perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(NAMA PEGAWAI)
Bahagian Pengurusan
b.p Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

s.k.

**CONTOH SURAT PEMAKLUMAN TIDAK SETUJU PENGECUALIAN
PEPERIKSAAN**

Rujukan Kami :

Tarikh :

NAMA

ALAMAT TEMPAT BERTUGAS CALON

Tuan/Puan,

**PERMOHONAN PENGECUALIAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN
PERKHIDMATAN JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat tuan/puan dengan rujukan bertarikh adalah berkaitan.

2. Untuk makluman tuan/puan, Panel Peperiksaan Jabatan telah meneliti permohonan pengecualian menduduki Peperiksaan Perkhidmatan bagi Gred S29 tuan/puan bagi kertas-kertas berikut:

- i. Bahagian III – Pentadbiran Sosial;
- ii. Bahagian IV (Seksyen I) – Undang-Undang Am; dan
- iii. Bahagian IV (Seksyen II) – Undang-Undang dan Peraturan Jabatan

3. Dukacita dimaklumkan, Panel Peperiksaan Jabatan **TIDAK BERSETUJU** untuk memberi pengecualian peperiksaan tuan/puan. Oleh yang demikian, tuan/puan perlu menduduki semula peperiksaan dengan membuat permohonan baharu.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(NAMA PEGAWAI)

Bahagian Pengurusan

b.p Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

s.k.